

PEPERIKSAAN BERSAMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KELOMPOK M6
SEBERANG PERAI

PERCUBAAN SPM 2008

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
- 2 *Jawab semua soalan sahaja*
- 3 *Jawapan bagi **Soalan 2 (b)**, **Soalan 2 (c)**, **Soalan 2 (d)** dan **Soalan 4** berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
- 4 *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat suatu rumusan tentang cabaran dalam menjayakan pendidikan khas di Malaysia dan kepentingannya terhadap murid berkeperluan khas. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Usaha untuk menyediakan keperluan perkhidmatan pendidikan kepada murid istimewa memerlukan kesedaran dan komitmen yang tinggi. Dalam hal ini, pelbagai cabaran dihadapi oleh Jabatan Pendidikan Khas (JPK) bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan mencapai matlamat yang ditentukan. Terdapat banyak faktor yang menentukan kejayaan pendidikan murid berkeperluan khas.

Dalam menyediakan kemudahan itu, banyak isu yang perlu ditangani dengan bijak dan profesional. Antara isu yang memberi kesan besar kepada keberkesanan program Pendidikan Khas ialah kekurangan komitmen pelbagai pihak yang signifikan dengan pendidikan murid berkeperluan khas. Bagi kes murid yang mempunyai kecacatan serius, kerjasama pasukan ini amat kritikal. Sesetengah ibu bapa murid berkeperluan khas tidak komited dalam usaha memastikan anak mereka mendapat intervensi sewajarnya melalui kerjasama yang mantap antara rumah dengan sekolah.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran masih kekurangan tenaga pakar untuk membantu menangani kes serius terutama yang melibatkan kepakaran daripada agensi luar kementerian. Tidak dapat kita nafikan bahawa guru juga merupakan elemen penting dalam keberkesanan program Pendidikan Khas. Sehubungan dengan itu, guru perlu memiliki kemahiran dan kepakaran tertentu bergantung kepada jenis kecacatan murid yang dilatih. Malangnya guru hanya menguasai kemahiran dan kepakaran melalui pengalaman *hands-on* yang dikutip semasa berdamping dengan murid.

Bilangan guru yang dilatih dari semasa ke semasa adalah mengikut unjuran pertumbuhan populasi murid mengikut kategori tertentu. Peningkatan jumlah murid yang bermasalah pembelajaran dalam program integrasi di sekolah aliran perdana semakin ketara. Jumlah murid ini melebihi unjuran yang melibatkan jumlah kelas dan guru terlatih dalam Pendidikan Khas. Sebagai perbandingan dengan norma murid biasa, satu guru diperlukan untuk tujuh murid dalam satu kelas.

Salah satu langkah untuk mengatasi kekurangan guru terlatih dalam jangka masa pendek, guru yang bukan opsyen dalam Pendidikan Khas ditempatkan untuk mengajar murid terbabit. Guru berkenaan akan diberi latihan dalam kursus jangka pendek sementara Kementerian Pelajaran menyediakan guru yang dilatih melalui program jangka panjang yang dikelolakan oleh Institut Pendidikan Guru dan Institut Pengajian Tinggi Awam.

Menurut Jabatan Pendidikan Khas, data menunjukkan kira-kira 10 peratus saja murid pendidikan khas berada di sekolah Pendidikan Khas kerana selebihnya berada di kelas khas Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah biasa. Situasi ini menyebabkan masyarakat sekolah dan warga pendidik aliran perdana sukar menerima murid berkeperluan khas. *Tak kenal maka tak cinta*. Masyarakat yang tidak pernah mengenali murid berkeperluan khas biasanya kurang prihatin berbanding mereka yang mempunyai ahli keluarga atau sahabat handai yang mempunyai anak berkeperluan khas.

Oleh itu, cabaran yang dihadapi oleh JPK adalah keterbatasan usaha menyebarkan fakta berkaitan peluang pendidikan murid berkeperluan khas yang disediakan oleh kementerian. Walaupun banyak program *outreach* dijalankan oleh JPK, masih ramai ibu bapa dan masyarakat yang belum jelas tentang peluang dan keperluan pendidikan murid berkenaan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada 'Isu dan Cabaran Pendidikan Khas' oleh Mohd. Fuad Razali, *Majalah Pendidik*, Februari, 2008)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *Tak kenal maka tak cinta*.
[2 markah]
- (ii) Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar terlatih dalam Pendidikan Khas ini?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah masyarakat boleh memberi sokongan kepada murid berpendidikan khas di negara kita?
[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Semalam dia masih di tengah laut – hari ini baru dia sempat menemui Deliah. Jumari Jipan memang lebih dekat dengan Ripin. Mereka memang sama-sama sekolah, sama-sama seiring remaja, sama-sama sehari bersunat, sama-sama beransur dewasa, sama-sama seketika mengikut rombongan sarkas Filipina mengelilingi negeri, sebelum masing-masing mencari pekerjaan lain dan sama-sama juga beransur tua.

Kini masalahnya Deliah. Jumari Jipan sebenarnya tidak akan dapat melayan anak itu dalam botnya di tengah laut. Selain kerana tugasnya di bawah bilik enjin yang panas, tentera Jepun pula kini semakin ternyata seperti tidak menghiraukan apa atau siapa sasarannya – atau tidak tahu. Mereka menggugurkan bom atau memuntahkan peluru sesukanya hampir ke arah siapa saja – sama ada anak kecil atau wanita tua. Jepun mengesyaki semua bot berisi senjata dengan tenaga yang pada bila-bila masa boleh mengancam tenteranya. Pada saat begitulah terkadang-kadang apa yang disebutkan Kapten Dawson tentang kebebasan itu dirasakan semakin bererti.

"Itu cakap penjajah yang sudah hendak kalah." Ripin pernah membantah. "Kenapa sekarang baru dia cakap tentang orang Melayu patut bebas?"

Jumari Jipan cuba memujuk Deliah pulang.

"Nen tak mahu pulang lagi," kata anak itu, mengesat matanya dengan topi yang lusuh.

(Dipetik daripada 'Di Sisi Rinda' dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan keakraban Jumari Jipan dengan Ripin? [3 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, adakah wajar Jumari Jipan membantu Deliah dan nyatakan alasan anda? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **dua** latar masyarakat daripada keseluruhan cerpen tersebut. [3 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka segala makmum pun takbirlah. Baharulah imam membaca fatihah, maka sipahi yang keempat itu pun datanglah lalu diparangnya leher jauhari itu pun putus terpelanting pada kaki Jibor itu. Maka Jibor pun terkejut lalu ia melompat. Maka segala orang yang sembahyang itu pun habis pecahlah lari. Maka sembahyang itu pun menjadi batallah, sekalian makmum itu pun pecah belahlah, tiada berketahuan, hanya yang tiada batal itu imam dengan Sabor juga. Setelah tamatlah sembahyang kedua mereka itu, maka Sabor pun baharulah tahu akan fitnah itu daripada Saidah juga.

Maka Jibor pun terlalu hairan melihat Sabor tiada mati itu, *sekonyong-konyong akan jauhari juga mati*, maka adalah ia berdosa dari dahulu dengan Saidah itu; sebab itulah mati. Maka lalu Jibor pun berfikir di dalam hatinya, "takut benar juga saudaraku Sabor itu; maka ia dilepaskan Allah *subhanahu wataala* daripada bala ini."

Maka segala keluarga jauhari pun datanglah dengan keris lembingnya mari bertanya kepada Jibor. Maka kata Jibor, : "Tiada hamba ketahui."

Maka mayat jauhari itu pun diambil orangnya dibawanya ke rumah itu, seraya menyiasat orang membunuh jauhari itu. Maka tiadalah dapat orang membunuh itu. Maka mayat jauhari pun ditanamkan oranglah, seperti cara agama Islam.

(Dipetik daripada 'Sabor' dalam *Antologi Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *sekonyong-konyong akan jauhari juga mati*?
[2 markah]
- (ii) Gambarkan keadaan makmum setelah leher jauhari dipenggal?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah balasan kepada orang yang berbuat jahat?
[3 markah]

Soalan 2(d) – Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan
jalan-jalan raya kotaku
lewat senja begini
tika gerimis menabur benih
menerima kehadiran warga kota
lemas dalam kesabaran
lelah meresahkan
dengan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak
kesombongan merajai setiap ruang
semakin padat dengan emosi
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan
budi luhur warga kotaku
tidak lagi berlaku
yang hadir adalah keserakahan
memacu menghimpun kekuatan
menghakis sopan-santun
seperti banjir kilat
melanda pinggir perjalanan
fitrah sang manusia
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku
adalah gelanggang kebuasan
perlumbaan kebiadaban
para pesakit
kemanusiaan semakin mandul
pada penghujung musim.

ZAM ISMAIL

Antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Gambarkan sikap pengguna jalan raya pada senja itu. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh pengguna jalan raya yang berhemah? [3 markah]
- (iii) Nyatakan tiga persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) letih-lesu
- (ii) bolak-balik
- (iii) kusut-masai
- (iv) compang-camping
- (v) lintang-pukang
- (vi) haru-biru

[6 markah]

(b) Tulis semula perbualan di bawah dalam bentuk karangan biasa dengan menggunakan cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan maksud asalnya.

"Kau beli apa di pasar raya tadi, Mi? Tanya Afiq. "Ala sepasang baju je sebab harga pakaian di pasar raya tu mahallah," jawab Azmi. "Ye ke, kawan-kawan di pejabat aku beritahu barang-barang di pasar raya tu murah sebab baru dibuka," jawab Afiq. "Biasalah tu mungkin promosi je, nak menarik pelanggan!" balas Azmi. "Kalau begitu, sebelum beli tengok dulu di kedai-kedai lain, "nasihat Afiq. "Betul kata kau, lain kali aku harus lebih berhati-hati," jawab Azmi.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan dan **satu** kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Kita haruslah merancang strategi dan sentiasa pro aktif dalam pelaksanaan pelan tindakan pendidikan.
- (ii) Walaupun telur ikan kaya dengan zat protein tetapi terkandung paras kolesterol yang tinggi.
- (iii) Menurut masyarakat China, daun teh boleh dibahagikan kepada beberapa jenis berdasarkan cara pemerosesan daun teh.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*
- (i) Yang Berbahagia Menteri Besar Kedah telah bersetuju merasmikan SUKMA ke-11 yang akan berjalan tidak lama lagi.
 - (ii) Para pelajar-pelajar yang membawa basikal ke sekolah dikehendaki sentiasa berhati-hati dan mematuhi peraturan lalu lintas.
 - (iii) Perkataan falsafah bermula daripada perkataan Yunani philo-sophia yang bermaksud mencintai kearifan.
- [6 markah]
- (e) *Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa berikut. Ayat anda hendaklah dapat memberikan maksud peribahasa.*
- (i) Tangkai jering
 - (ii) Ada hati
 - (iii) Cangkul angin
- [6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
 - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
 - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menggunakan teknik kejutan. Mengapakah anda berpendapat demikian?
[7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, bandingkan nilai **kebijaksanaan** yang terdapat dalam novel-novel tersebut.
[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT